

## Pengaruh Tafsir Al-Jalalayn Dalam *tarjuman Al-Mustafid* Karya Syeikh Abdul Rauf Al-Singkili

Wan Nasyrudin Wan Abdullah<sup>31</sup>  
Muammar Ghaddafi Hanafiah<sup>32</sup>  
Universiti Kebangsaan Malaysia  
43600 Bangi, Selangor

### Abstrak

Perbincangan ini menelusuri tafsir bahasa Melayu pertama, iaitu *Tarjuman al-Mustafid* karya agung Syeikh Abdul Rauf Singkel, mufti (Qadi al-Malik al-Adil) Aceh Darussalam abad ke 17 Masihi. Ia ditulis dengan bahasa Melayu lama atau klasik. Penulisan tafsir dalam bahasa Melayu ini bertujuan mempercepatkan proses pemahaman dan penghayatan dasar agama di kalangan masyarakat awam. Kitab ini kemudiannya dikenali dengan panggilan Tafsir Baydawi Melayu selama beberapa kurun, bahkan pada kulitnya pun ditulis Tafsir Baydawi Melayu. Ini ditambah lagi dengan peranan pentahqiq di Maktabah al-Amiriyyah, Mekah yang menyatakan perkara yang sama di akhir naskhah kitab. Melalui pendekatan analisa dokumen serta perbandingan dengan kitab-kitab rujukan beliau, didapati kitab ini merujuk banyak rujukan iaitu *al-Jalalayn* karya Imam Suyuti, *al-Baydawi*, *al-Khazin*, *al-Tha<sup>l</sup>abi*, *al-Baghawi*, *al-Tabari*, *al-Kalby*, *Manafi<sup>c</sup> al-Qur'an*, teks hadith, seperti Sahih al-Bukhari, Sahih Muslim, Musnad Ahmad dan Mustadrak al-Hakim, dan teks fikah seperti al-Nihayah yang menjadi dasar dalam penulisan *Tarjuman al-Mustafid*. Bahkan sekalipun nama al-Baydawi banyak disebut dalam kitab ini, namun data-data yang diperoleh menunjukkan bahawa Tafsir al-Jalalayn lebih banyak dirujuk oleh pengarang. Justeru, kertas ini akan menjelaskan sejauhmanakah pengaruh Tafsir al-Jalalayn terhadap *Tarjuman al-Mustafid* sekaligus membentuk corak pentafsiran yang cenderung kepada ringkas dan padat.

### Pengenalan

*Tarjuman al-Mustafid* adalah tafsir pertama yang ditulis dalam bahasa Melayu berasal dari abad ke 17 Masihi. Pengajaran al-Quran sebelumnya berkembang secara meluas mengiringi masuknya Islam kepada masyarakat Alam Melayu sehingga muncul kerajaan pertama, iaitu Kerajaan Peurlak pada awal abad ke 9 Masihi dan kemunculan zawiyah Cot Kala pada abad ke 10 Masihi yang diasaskan Shaykh Abdullah Kan'an dari Yaman.

Pengajaran al-Quran disampaikan melalui pembacaan al-Quran dan penafsirannya secara tema berbentuk aqidah, persoalan dasar hukum dan sebagainya kepada masyarakat di Alam Melayu. Bagi mengiatkan lagi pengajaran al-Quran ini, kegiatan penghantaran al-Quran melalui para pedagang Islam dan juga utusan Dawlah <sup>c</sup>Uthmaniyyah melalui Sharif Mekah, seperti Shaykh

---

<sup>31</sup> Pensyarah Kanan, Pusat Kelestarian Turath Islam, Fakulti Pengajian Islam, UKM

<sup>32</sup> Pensyarah Kanan, Pusat Kebitaraan Melayu, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, UKM

Ismail al-Zarfi ke kerajaan-kerajaan Alam Melayu, seperti Aceh, Barus, Peurlak, Pasai, Temiang, Lingga, Melaka dan sebagainya.

Ketika *Tarjuman al-Mustafid* ditulis, Kerajaan Aceh Darussalam sedang dilanda krisis politik tentang kepemimpinan wanita dan polemik wujudiyah. Pergolakan ini telah melibatkan seluruh rakyat Aceh dan juga kerajaan-kerajaan Melayu di bawah naungannya. Justeru penulisan tafsir dalam bahasa Melayu ini bertujuan mempercepatkan proses pemahaman dan penghayatan dasar agama bagi meleraikan kegelisahan rakyat jelata akibat konflik tersebut.

Pelbagai rujukan kukuh tafsir seperti al-Jalalayn karya Imam Suyuti, al-Baydawi, al-Khazin, al-Tha<sup>l</sup>abi, al-Baghawi, al-Tabari, al-Kalby, Manafi<sup>c</sup> al-Qur'an, teks hadith, seperti Sahih al-Bukhari, Sahih Muslim, Musnad Ahmad dan Mustadrak al-Hakim, dan teks fikah seperti al-Nihayah yang menjadi dasar dalam penulisan *Tarjuman al-Mustafid*.

Hasil daripada perbincangan dalam kertas ini ini telah menolak hujah bahawa karya ini adalah kitab Tafsir al-Baydawi Melayu selama beberapa kurun lamanya. Bahkan menegaskan bahawa ianya adalah adaptasi, terjemahan dan suntingan daripada al-Jalalayn, di samping merujuk kitab-kitab yang lain. Ini juga membuktikan kealiman Syeikh Abdul Rauf Singkel sebagai seorang mufti (Qadi al-Malik al-Adil) dan penguasaannya terhadap pelbagai bidang disiplin ilmu dalam menyelesaikan masalah yang dihadapi oleh Kerajaan Aceh Darussalam pada zamannya. Kebijaksanaan Syeikh Abdul Rauf Singkel ini telah menjadi pedoman kehidupan masyarakat Melayu Aceh dan kerajaan-kerajaan Melayu naungannya, iaitu: "Adat Bak Po Teumeureuhom, Hukum Bak Syiahkuala (Syeikhkuala)"

### **Ringkasan riwayat hidup Syeikh Abdul Rauf**

Nama sebenar beliau ialah Shaykh Abdul Rauf bin Ali al-Fansuri al-Singkili al- $\bar{A}$ sh $\bar{i}$  al-Jawi (Harun Nasution et al, 1992: 29; Mahayudin Haji Yahya, 1986: 44). Beliau digelar Aminuddin, Maulana, Shaykh, al-Imam al-Arif, Fakir, Tengku Shaykh Kuala (SyiahKuala) atau Shaykh Di Kuala. Manakala *Laqab* yang digunakan oleh beliau pula, seperti al-Fansuri al-Singkili al-Jawi dan al-Ashi yang menunjukkan beliau berketurunan Melayu, suku Batak bermargakan limbong yang berasal dari kerajaan Barus, Singkil.

Menurut perkiraan D. A. Rinkes (1909: 25-26), Shaykh Abdul Rauf lahir pada tahun tahun 1024H/1615M. Sejak kecil Shaykh Abdul Rauf telah mendapat pendidikan ulama dan institusi tempatan, seperti zawiyah ayahnya, Ali Fansuri di Simpang Kanan Singkel dan zawiyah Oboh di Simpang Kiri Singkel yang dimiliki oleh Shaykh Hamzah Fansuri. Menurut Deny Lombard (1986: 134) apabila Barus dijadikan sebahagian daripada wilayah Aceh pada era pemerintahan Sultan Iskandar Muda (1607-1636M), Shaykh Abdul Rauf berkesempatan menyambung pendidikannya dengan Shaykh Shamsuddin al-Sumaterani di zawiyah Geudong, Samudera-Pasai iaitu Aceh Utara sekarang ini.

Shaykh Abdul Rauf juga berkesempatan mengambil manfaat pendidikan daripada kedua-dua murid Shaykh Shamsuddin al-Sumaterani, iaitu Shaykh Ibrahim al-Shami dan Shaykh Jamaluddin (Maidin). Ini berlaku selepas Shaykh Shamsuddin al-Sumaterani mati syahid dalam satu peperangan jihad menentang Portugis di Melaka dan dimakamkan di Kampung Ketek,

Bandar Hilir Melaka pada 24hb Februari 1630 (R.O. Winstedt, Vol XXXI Part 3, 1959: 119; G. K. Niemann, 126).

Shaykh Abdul Rauf sempat menjalani kehidupan pendidikan lokal pada era pemerintahan Sultan Iskandar Muda (1607-1636 M.), Sultan Iskandar Thani (1636-1641 M.) dan Sultanah Tajul Alam Safiatuddin Syah (1641-1675 M.) iaitu sebelum menyambung pengajiannya ke luar negara (Raden Hussein Dajadiningrat, 1911: 182).

Shaykh Abdul Rauf dapat melanjutkan pengajian ke luar negara pada era pemerintahan Sultanah Tajul Alam Safiatuddin Syah (1641-1675 M.) melalui bantuan nahkoda Sayyid al-Kamal, seorang bangsawan Turki di Aceh yang sedang menuju ke Yaman. Berdasarkan pengakuan beliau sendiri pada halaman akhir teks *Umdat al-muhtajin*, Shaykh Abdul Rauf berada di luar negara selama lebih kurang 19 tahun.

Pelbagai negara dan guru telah ditemui dan beliau telah menguasai pelbagai bidang disiplin-ilmu pengetahuan agama. Berdasarkan teks *Umdat al-muhtajin*, Teuku Iskandar, Azyumardi Azra dan Peunoh Daily menganggarkan bahawa guru Shaykh Abdul Rauf seramai 19 orang. Shaykh Abdul Rauf menjalin hubungan keilmuan pelbagai disiplin ilmu agama dengan seramai 29 ulama di beberapa negara Arab, seperti Qatar, Yaman, Mekah dan Madinah. (Anthony Reid, 1969: 414. *Umdat al-muhtajin*, MI, 107, Fol 112. Teuku Iskandar, 1965: 196. Azyumardi Azra, 1995: 191-193. Peunoh Daly, 1988: 18-19).

Setelah kembali dari luar negara, Shaykh Abdul Rauf terus dilantik oleh Sultanah Tajul Alam Safiatuddin Syah (1641-1675 M.) sebagai Qadi al-Malik al-Adil (Mufti). Shaykh Abdul Rauf memegang jawatan tersebut selama empat era pemerintahan sultanah Aceh, iaitu bermula dari Sultanah Taj al-Alam Safiatuddin Syah (1641-1675 M.), Nur al-Alam Nakiyatuddin Syah (1675-1678 M), Inayat Syah Zakiyatuddin Syah (1678-1688 M) dan Kamalat Syah (1688-1699M). (Ismail Sofyan dkk, 1994: 42-43, 66-67, 70; N. J. Ryan, 1966: 55; Ali Hasjmy, 1976: 95; Teuku Iskandar, 1966: 74; R.A. Hossein Djajadiningrat, 1911 189-190).

Ketika Shaykh Abdul Rauf memegang jawatan Qadi al-Malik al-Adil (Mufti) segala masalah Kerajaan Aceh Darussalam, seperti krisis umarak mengenai wanita sebagai pemerintah dan polemik wujudiyah ulama yang melibatkan seluruh rakyat jelata, telah dibawa ke eranya yang memerlukan penyelesaian yang bijaksana. Kebijaksanaan ini menyebabkan Syeikh Abdul Rauf menjadi contoh ikutan masyarakat Melayu, iaitu: “Adat Bak Po Teumeureuhom, Hukum Bak Syiahkuala (Syeikhkuala)” Hukum Bak Syiahkuala (Syeikhkuala) bermaksud kebijaksanaan pemahaman dan penghayatan Islam harus mengikut jejak Syeikh Kuala, iaitu Shaykh Abdul Rauf Singkel, mufti (Qadi al-Malik al-Adil) empat era pemerintahan Sultanah Kerajaan Aceh Darussalam.

Shaykh Abdul Rauf meninggal dunia pada tahun 1693 Masihi di era pemerintahan Sultanah Kamalat Syah (1688-1699M), dan dimakamkan di zawiayah Shaykh Kuala. Nama Shaykh Abdul Rauf diabadikan pada sebuah Universiti di Darussalam, Banda Aceh, iaitu Unversiti Syiahkuala (Shaykhkuala) dewasa ini (Syahrizal, 1995: 43; Wan Mohd Shaghir Abdullah, 1997: 173).

### **Status *Tarjuman Al-Mustafid***

Para pengkaji berselisih pendapat tentang status *Tarjuman al-Mustafid* kepada tiga pendapat:

**Pertama:** Ia adalah terjemahan daripada *Tafsir al-Jalalayn*. Ini adalah pendapat Peter Riddel (2001: 161) dan Salman Harun (1988: 47). Martin Van Bruinessen pula berpendapat bahawa *Tarjuman al-Mustafid* sememangnya terjemahan daripada *Tafsir al-Jalalayn*, tetapi disertai dengan beberapa keterangan tambahan yang diambil dari kitab tafsir lain (Van Bruinessen, Martin, 1995: 158).

Riddel (2001: 161) dalam kajiannya telah merumuskan bahawa *Tarjuman al-Mustafid* berorientasikan kepada dua bentuk ambilan iaitu:

- 1- Ia adalah terjemahan daripada *Tafsir al-Jalalayn*.
- 2- *Tafsir al-Jalalayn* dijadikan sumber ambilan teks. Manakala Baba Daud al-Rumi membuat tambahan yang diambil daripada *Tafsir al-Baydawi* dan *Tafsir al-Khazin*.

Namun kesimpulan Riddel tidak menyeluruh kerana beliau hanya mengkaji manuskrip juz 16 sahaja. Manakala Salman Harun pula hanya mengkaji manuskrip juz 30 sahaja.

**Kedua:** Ia adalah terjemahan daripada *Tafsir al-Baydawi*. Ini adalah pendapat Snouck Hurgronje, Rinkes dan Vorhoeve (1995: 203) Demikian juga Ismail Yusoff (1995: 8) dan Mazlan Ibrahim serta Ahmed Kamel Mohamad (2004, jil: 26, bil: 2, 29).

Sekalipun Vorhoeve sependapat dengan Snouck Hurgronje dan Rinkes, namun beliau merumuskan bahawa *Tarjuman al-Mustafid* juga mengambil intipati daripada beberapa kitab tafsir lain seumpama *Tafsir al-Baydawi* dan *Tafsir al-Khazin*. Manakala Rinkes pula menambah bahawa sebahagian terjemahan dalam *Tarjuman al-Mustafid* diambil daripada *Tafsir al-Jalalayn* (Azyumardi Azra, 1995: 203).

**Ketiga:** Melalui perbandingan kesemua 517 data berkaitan tafsir yang terdapat dalam *Tarjuman al-Mustafid*, Wan Nasrudin Wan Abdullah (2008) merumuskan bahawa ia adalah tafsir tersendiri dengan dominasi *Tafsir al-Jalalayn* di dalamnya. Ia sekaligus menolak dakwaan sebahagian pengkaji yang menyatakan bahawa ia adalah terjemahan *Tafsir al-Baydawi*. Bahkan terdapat juga di kalangan pengkaji terawal seperti Wahab Md. Salleh (1990) dan Nazri Ahmad (2002) yang berpendapat bahawa ianya adalah tafsir tersendiri.

### **Punca kekeliruan**

Terdapat dua perkara besar pada naskhah *Tarjuman al-Mustafid* sehinggakan ia menyebabkan kekeliruan kepada para pembacanya.

**Pertama:** Kebiasaannya *Tarjuman al-Mustafid* diberi nama Tafsir Baydawi Melayu seperti pada cetakan Pustaka Nasional Singapura dan Terjemahan Anwar al-Tanzil seperti pada cetakan Mustafa al-Babi al-Halabi, Mesir.

**Kedua:** Pentashih *Tarjuman al-Mustafid* di Maktabah al-Amiriyyah, Mekah iaitu Syeikh Ahmad Fatani, Syeikh Idris Kalantani dan Syeikh Daud Fatani juga berpendapat bahawa ia adalah terjemahan *Tafsir al-Baydawi* (Syeikh Abdul Rauf, 1951/1370: 611). Ini dapat dilihat pada kenyataan mereka di akhir naskhah cetakan Maktabah al-Amiriyyah. Mereka menyatakan

bahawa *Tarjuman al-Mustafid* adalah terjemahan *Tafsir al-Baydawi* tanpa ada tambahan atau pengurangan sedikit pun.

“Sesungguhnya saya telah membaca dan menelaah tafsir yang mulia lagi tinggi ini oleh Imam Allamah al-Baydawi yang terkenal. Semoga Allah limpahkannya dengan rahmat-Nya serta menghunikannya di dalam syurga dengan keampunan-Nya dan kurniaan-Nya. Sesungguhnya kami telah membeleknya lalu kami dapatinya diterjemah dengan bahasa Jawi dengan terjemahan yang menepati naskah asal dalam Bahasa Arab tanpa tambahan, pengurangan, perubahan dan pindaan kerana penterjemah ialah Syeikh Abdul Rauf anak Syeikh Ali al-Fansuri...”. (Syeikh Abdul Rauf, 1951/1370: 611).

Hakikatnya, kenyataan ini tidak dapat disokong sedikitpun kerana bermula seawal surah al-Fatihah sudah kelihatan perbezaan yang sangat ketara dengan *Tafsir al-Baydawi* (Antony H. Johns, 1988: 263).

### **Sistematika *Tarjuman Al-Mustafid***

Penulisan teks *Tarjuman al-Mustafid* dimulai dengan surah al-Fatihah tanpa mengemukakan mukadimah sebagaimana sebilangan teks tafsir lain. Setiap surah dimulai dengan nama surah dan diikuti dengan menyebut statusnya sama ada ayat Makkiyyah atau Madaniyyah serta bilangan ayat. Jika terdapat perbezaan pada status atau bilangan ayat, maka Shaykh Abdul Rauf akan memberi penerangan ringkas. Semuanya ini dinyatakan dalam bahasa Arab. Kemudian Shaykh Abdul Rauf akan menterjemahkan ungkapan bahasa Arab tersebut ke dalam bahasa Melayu. Contoh ini dapat dilihat bila, Shaykh Abdul Rauf menafsirkan surah al-Fatihah. Shaykh Abdul Rauf berkata: “( سورة فاتحة الكتاب مكية وهي سبع آيات ) ini surah al-Fatihah yaitu tujuh ayat yang dibangsakan kepada Mekah yakni yang turun di Makkah.” (Shaykh Abdul Rauf, 1951: 2). Selepas itu barulah, Shaykh Abdul Rauf memulakan menafsirkan ayat demi ayat.

Bahasa penulisan teks *Tarjuman al-Mustafid* ialah bahasa Melayu pesisir aliran Barus dan Samudera-Pasai. Namun itu, istilah-istilah tempatan yang diguna bukan setakat pengaruh kedua aliran tersebut, malah turut dipengaruhi aliran bahasa Melayu lain, seperti Patani. Contohnya ialah perkataan kerisik yang bermaksud pasir (Ibid: 79). Namun begitu, pengaruh bahasa asing seperti bahasa Arab juga dominan, contohnya ialah *nisf* (separuh atau sebahagian), *bayt* (rumah), *nafar* (individu), *muqaddas* (yang disucikan), *kharam* (kurma), *laban* (susu), *laqab* (gelaran), *musamma* (yang dinamakan/dinyatakan) dan lain-lain (Shaykh Abdul Rauf, 1951: 38, 63, 52, 55, 292, 9, 274).

Istilah-istilah pelbagai disiplin ilmu juga turut diguna dalam penulisan teks ini. Beberapa contoh yang dapat dilihat disiplin ilmu tajwid seperti *tasydid*, *rawm*, *tashil*, *ikhtilas*, *tahqiq*, *isyba<sup>c</sup>*, *isymam*, disiplin ilmu fiqh seperti *harus*, *zihar*, *khiyar*, *sunat* dan sebagainya (Shaykh Abdul Rauf, 1951: 10).

### **Gaya penulisan**

Gaya penulisan teks *Tarjuman al-Mustafid* terikat atau dipengaruhi *uslub* bahasa Arab. Penulisan terlalu banyak menggunakan struktur ayat songsang, iaitu ayat yang tidak terikat dengan strukturnya, seperti subjek-predikat. Banyak ayat pasif digunakan seperti imbuhan “di” dan

kalimah “oleh”. Perkataan “syahdan”, “maka”, “adalah”, “adapun”, “bermula” dan “sanya” digunakan pada permulaan sesuatu ayat dan kalimah “akan” dan “oleh” pula menunjukkan pengaruh besar gaya bahasa Arab dalam teks *Tarjuman al-Mustafid*. Penggunaan perkataan seperti “yakni”, “seperti”, “yaitu”, “dengan”, “bermula” dan “artinya” secara berulang di kebanyakan tempat dalam teks *Tarjuman al-Mustafid* bagi ungkapan contoh untuk menjelaskan sesuatu tafsiran yang agak mengelirukan.

Beberapa kaedah telah dilakukan oleh Shaykh Abdul Rauf semasa penulisan teks *Tarjuman al-Mustafid*, antaranya:

- a. Menterjemah ayat tidak secara *harfi*.
- b. Menterjemah ayat secara lengkap satu persatu.
- c. Ayat yang dikerat-kerat.
- d. Ada juga ayat yang digabungkannya dengan ayat lain sama ada secara gabungan..

### **Rujukan Teks *Tarjuman Al-Mustafid***

Shaykh Abdul Rauf menggunakan beberapa disiplin-ilmu lain sebagai rujukan dalam penulisan *Tarjuman al-Mustafid*, antaranya ialah qiraat, tafsir, hadith dan fikah. Kitab-kitab tersebut menjadi rujukan utama Shaykh Abdul Rauf kerana beliau pernah mempelajarinya semasa pengajiannya di Yaman, Mekah dan Madinah. Berikut ini diperinci rujukan-rujukan yang dikemukakan oleh Shaykh Abdul Rauf:

#### **a. Qiraat**

Dalam menterjemahkan ayat-ayat al-Quran beberapa qiraat telah digunakan oleh Shaykh Abdul Rauf, antaranya ialah qiraat Abu °Amr dan Nafi° (Qalun dan Warsh), Hafs, Ibn °Amir, al-Susi dan al-Duri. Namun begitu penggunaan qiraat Abu °Amr dan Nafi° (Qalun dan Warsh) lebih dominan jika dibanding dengan yang lain. Shaykh Abdul Rauf hanya menyebut qiraat Ibn °Amir, al-Susi dan al-Duri, tetapi tidak digunakan dalam terjemahan al-Quran.

Qiraat Abu° Amr telah diguna sebanyak 23 tempat, Qiraat Nafi° pula pada 4 tempat, Manakala gabungan qiraat Hafs dan Nafi° telah diguna sebanyak 16 tempat. Gabungan Qiraat Abu °Amr dan Nafi° sebanyak 55 tempat, gabungan qiraat Abu °Amr dan Hafs sebanyak 27 tempat, manakala Qiraat Hafs hanya digunakan pada satu tempat sahaja, iaitu halaman 596.

#### **b. Tafsir**

Dalam bidang tafsir, Shaykh Abdul Rauf merujuk kepada beberapa karya tafsir, antaranya ialah *al-Jalalayn* karya Imam Suyuti, *al-Baydawī*, *al-Khazin*, *al-Tha°labi*, *al-Baghawi*, *al-Kalby*, *al-Tabarī* dan *Manafi° al-Qur’an*.

- i. Contoh Shaykh Abdul Rauf (1955: 17) yang merujuk kepada tafsir *al-Jalalayn* karya Imam Suyuti:

Kata Shaykh Abdul Rauf: “Dan adapun yang dinamai *Harut wa Marut* itu maka tersebut dalam tafsir *Jalalayn* cerita daripada Ibn Abbas bahawa keduanya itu orang yang tahu ia akan ilmu sihir dan adalah keduanya mengajarkan segala manusia ilmu sihir dan kata setengah ulama adalah keduanya itu malaikat telah diturunkan Allah Taala keduanya itu supaya mengajarkan ilmu sihir ia cuba daripada Allah Taala bagi segala manusia, wallahu a’lam.”

- ii. Contoh Shaykh Abdul Rauf (1955: 1) merujuk kepada tafsir al-Baydawi tentang fadilat;

*Maka tersebut di dalam Baydawi bahawa Fatimah itu penawar bagi tiap-tiap penyakit.*

- iii. Contoh Shaykh Abdul Rauf (1955: 441) merujuk kepada tafsir al-Khazin tentang fadilat;

*Syahadan bahawa tersebut di dalam al-Khazin adalah Yaasin itu 83 ayatnya, dan 700 kalimah dan 3,000 huruf dan lagi pula tersebut dengan di dalam hadis: Barangsiapa mengaji Yasin, Nescaya disuratkan Allah Ta’ala baginya dengan mengaji dia, seperti mengaji Qur’an 10 kali.*

- iv. Contoh Shaykh Abdul Rauf (1955: 14 & 17) merujuk kepada tafsir al-Tha’labi;

*bahawasanya Allah s.w.t. telah mengambil janji atas kaum Bani Israil di dalam taurah bahawa jangan membunuh setengah mereka itu akan setengahnya, dan jangan mengeluarkan akan setengah mereka itu akan setengahnya daripada kampungnya, dan apabila mereka itu seorang , nescaya ditebus mereka itu akan dia kemudian, maka dimederkakan mereka itu akan dia.*

- vi. Contoh Shaykh Abdul Rauf (1955: 270) merujuk kepada tafsir al-Baghawi;

*Bahawa Namrud anak Kan’an berbuat mahligai di dalam negeri Babil supaya ia naik ke langit.*

- vii. Contoh Shaykh Abdul Rauf (1955: 519 & 532) merujuk kepada tafsir al-Kalby;

*Dan kata al-Kalby dengan riak dan sum’ah bahawasanya segala mereka yang telah kafir itu dan segala mereka itu menempat dari jalan agama Allah Ta’ālā. Maka mati mereka itu padahal mereka itu kafir, maka tiada diampun Allah bagi mereka.*

- vi. Contoh Shaykh Abdul Rauf (1955: 74) merujuk kepada tafsir al-Tabarī;

*Bahawa adalah turun ayat: **الذِينَ اسْتَجَابُوا** datang kepada akhirnya itu kepada segala baki daripada perang Uhud berbuat taat mereka itu kepada Rasulullah s.a.w. dengan keluar dari belakang segala kafir serta kesukaran mereka itu dengan banyak luka kerana segala kafir itu, yakni Abū Sufyān dan segala sahabatnya tatkala*

*kembali mereka itu daripada perang Uhud pertengahan jalan, maka menyesal mereka itu dan dikatanya: Mari kita kembali kita habis mereka itu, maka tatkala sampai khabar itu kepada Nabi, Maka Nabi s.a.w. serta segala sahabatnya yang ada sertanya pada Uhud itu...*

vii. Contoh Shaykh Abdul Rauf (1955: 1) merujuk tentang fadilat daripada *Manafī' al-Qur'an*:

*Barangsiapa membaca dia adalah baginya daripada pahalanya yang tiada dapat mengandai dia kitab dan memberi manfaat akan berbaik-baik orang dan berkasih.*

### c. Hadith

Dalam bidang hadith, Shaykh Abdul Rauf merujuk kepada beberapa karya hadith, seperti *Sahih al-Bukhari* (1955: 284 & 302), *Sahih Muslim* (1955: 284), *Musnad Ahmad* (1955: 113) dan *Mustadrak al-Hakim* (1955: 284).

### d. Fikah

Dalam bidang fikah, Shaykh Abdul Rauf merujuk kepada al-Nihāyah. Contoh Shaykh Abdul Rauf (1955: 270) merujuk kepada teks fikah;

*Barangsiapa tidak beroleh air dan tanah pada barang tempat sama ada pelayaran atau tiada lazimlah menyembahyangkan fardu kerana hormat waktu dan diulangi-ulangnya sembahyangnya itu tatkala ia beroleh air atau tanah dengan syarat yang telah disebutkan ilmu itu.*

### Bagaimana Pengaruh *Al-Jalalayn* berlaku?

Melalui perbandingan naskhah antara kitab-kitab yang menjadikan rujukan dalam *Tarjuman al-Mustafid*, maka secara umumnya data dalam *Tarjuman al-Mustafid* ialah sebagaimana berikut:

Transformasi data daripada rujukan selain *al-Jalalayn* biasanya berlaku secara terus iaitu pengarang menyebut nama rujukan itu secara langsung seperti katanya: “Tersebut dalam al-Khazin” atau “tersebut dalam al-Baydawi”. Namun didapati hanya dua kali sebutan sahaja tentang *al-Jalalayn* iaitu pengarang berkata: “Tersebut dalam *al-Jalalayn*” dan “Berkata *Jalal al-Din*”. Sedangkan melalui perbandingan rujukan, didapati keseluruhan data *al-Jalalayn* ialah 212 yang mewakili hampir 40 peratus data rujukan dalam *Tarjuman al-Mustafid*.

Secara tabiinya, jika sesebuah kitab itu adalah terjemahan, maka kebiasaannya nama pengarang asal tidak disebut dalam terjemahan. Namun apa yang pelik dengan tarjuman *al-Mustafid* ialah, Syeikh Abdul Rauf menyebut nama *al-Baydawi* pada 123 tempat dengan katanya: “tersebut dalam *al-Baydawi*”. Begitu juga beliau banyak menyebut: “Berkata *al-Khazin*” di 159 tempat. Di sinilah tampak kekuatan *al-Jalalayn* dalam *Tarjuman al-Mustafid* di mana pengarang memasukkan 210 data daripada *al-jalalayn* tanpa menyebut sumbernya.

Melalui pecahan sumber-sumber ini, didapati bahawa data *Sebab Nuzul* agak banyak di dalam *Tarjuman al-Mustafid*. Terdapat tiga rujukan utama yang digunakan tentang *Sebab Nuzul* iaitu



Tafsir al-Baydawi yang mengandungi tujuh data, Tafsir al-Khazin dengan 57 data dan Tafsir al-Jalalayn yang mentransformasikan 110 data.

Sekalipun *Tarjuman al-Mustafid* mengandungi keseluruhan data qiraat di 132 tempat, namun olahannya sangat berbeza daripada *Tafsir al-Baydawi* yang nyata lebih menonjol perbincangan qiraatnya berbanding *Tafsir al-Jalalayn* dan *Tafsir al-Khazin*. Perbincangan qiraat dalam *Tarjuman al-Mustafid* hanya berkisar pada tiga orang sahaja iaitu Abu °Amr, Hafs dan Nafi°. Manakala *al-Baydawi* biasanya membincangkan kesemua sepuluh qiraat yang mutawatir dan masyhur.

Secara umumnya, ambilan daripada *al-baydawi* ialah tentang fadilat surah, sebab nuzul, huraian, riwayat dan penjelasan ayat. Kesemua datanya berjumlah 129. Manakala al-Jalalayn pula berkisar kepada *Qissah*, *Faidah*, kata mufassir, kata setengah mufassir, kata setengah ahli mufassir dan kata ahli tafsir. Jumlah keseluruhan data tersebut ialah 212.

Melalui data-data yang dikemukakan, kita dapati bahawa Tafsir al-Jalalayn dimasukkan tanpa dinyatakan sumbernya seolah-olah memberi isyarat bahawa al-Jalalayn adalah dasar utama rujukan dalam pengkaryaan *Tarjuman al-Mustafid*. Manakala rujukan lain berperanan sebagai tambahan khususnya al-Baydawi dan al-Khazin yang acap disebut di sepanjang halaman *Tarjuman al-Mustafid*.

## **Kesimpulan**

Bacaan ilmu terhadap sesuatu karya bagi melihat hubungkait dengan faktor-faktor di sekelilingnya sama ada luaran atau dalaman adalah satu perjalanan yang sangat mengujakan. Namun cabarannya juga tidak sedikit. Justeru teks *Tarjuman al-Mustafid* bukan hanya sebuah teks tafsir biasa, namun ianya adalah rakaman hidup pengarangnya sejak dari kecil hinggalah dewasa. Ada ketikanya sebuah karya yang dihasilkan tidak memasukkan semua elemen yang difikirkan oleh pembaca seumpama pencerahan tentang polimik wujudiah dan isu wanita menjadi sultanah. Inilah yang berlaku pada *Tarjuman al-Mustafid*. Namun, rehlah ilmiah bersama pengarang dan karyanya menunjukkan satu nilai akademik iaitu *Tarjuman al-Mustafid* bukanlah wadah untuk isu-isu tersebut, bahkan beliau menyentuhnya dalam karya-karya beliau yang lain khususnya *Mir'ah al-Tullab*.

Pengalaman membesar dengan masyarakat yang sangat berkeperluan terhadap ilmu, memberikan kredit kepada Syeikh Abdul Rauf untuk menghasilkan karya berbahasa Melayu yang menggunakan istilah-istilah tempatan dan sekitarnya. Inilah nilai jati diri bangsa yang tinggi dalam dirinya.

Tempoh 19 tahun di luar negara turut mengheret pengkaji merasai cabaran beliau dalam menuntut ilmu. Ini kerana wajah rujukan Syeikh Abdul Rauf bukan hanya karya berbahasa Melayu tetapi karya berbahasa Arab. Satu keistimewaan bangsa arab ialah mereka akan membuat catatan sejarah hidup individu dan masyarakat. Justeru usaha mengenali para guru Syeikh Abdul Rauf di bumi arab memberikan pengalaman tentang budaya, ekonomi dan politik zaman tersebut yang sememangnya mempengaruhi pembawaan beliau dalam merencanakan warna politik Aceh sehinggalah beliau wafat.

Kepelbagaian faktor luaran dan dalaman yang dicerna dalam *Tarjuman al-Mustafid* memaksa pengkaji hidup di dua alam iaitu melihat *Tarjuman al-Mustafid* dari sudut pandang pengarang dan menilainya dari sudut pandang pihak ketiga tanpa bias terhadap mana-mana isu, faktor, kecacatan atau kekurangan yang boleh mencalarkan nilai pengarang dan karyanya.

Hasilnya, penelitian ini menemukan bahawa data yang paling banyak dalam *Tarjuman al-Mustafid* ialah data tafsir di mana jumlah data tafsir *al-Jalalayn* lebih banyak berbanding data lain. Justeru itu pengkaji merumuskan bahawa *Tarjuman al-Mustafid* bukannya terjemahan Tafsir al-Baydawi, bahkan ianya adalah terjemahan *Tafsir al-Jalalayn*. Oleh itu, jika perlu diberikan nama, maka cetakan *Tarjuman al-Mustafid* pada masa akan datang tidak lagi boleh menggunakan nama yang merujuk *Tafsir al-Baydawi* bahkan mesti ditukar kepada terjemahan *Tafsir al-Jalalayn* kerana ia lebih layak berbanding rujukan yang lain.

## Rujukan

- Ali Hasjmy. 1976. *59 Tahun Aceh merdeka di bawah pemerintahan ratu*. Jakarta: Pn Bulan & Bintang.
- Antony H. Johns, *Quranic Exegesis in The Malay World: In Search of A Profile*, dalam Andrew Rippin, (1988), *Approaches to The History of The Interpretation of The Qur'an*, Oxford, Clarendon Press.
- Anthony Reid, "Sixteenth Century Turkish influence in Western Indonesia" dlm *Journal of South-East Asian History*, jil. 10, No. 3 1969.
- Azyumardi Azra. 1995. *Jaringan Ulama Timur Tengah dan Kepulauan Nusantara Abad XVII dan XVIII*. cet II. Bandung: Pn Mizan.
- D.A. Rinkes. 1909. *Abdoerraof Van Singkel: Bildrage tot de kennis van de mystiek op Sumatra en Java*. Heerenveen.
- Denys Lombard. 1986. *Kerajaan Aceh: Jaman Sultan Iskandar Muda*, terj. Winarsh Ariffin. Jakarta: Pn Balai Pustaka.
- Harun Nasution & dkk. 1992. *Ensiklopedi Islam Indonesia*, Jakarta: Djambatan.
- Ismail Sofyan dkk. 1994. *Wanita utama Nusantara dalam lintasan sejarah*. Jakarta: Pn Jayakarta Agung Offset.
- J. Kreamer. 1923. *Atjeh II*. Leiden. E. J. Brill.
- Mahayudin Haji Yahya. 1986. *Ensiklopedia Sejarah Islam Jil. I A-G*. Bangi: Pn UKM.
- Mohd. Nazri Ahmad, *Israiliyyat Dalam Kitab-kitab Tafsir Bahasa Melayu: Satu Analisa Kritis dalam Isu-isu Dalam Tafsir dan Hadith* (2002), Kuala Lumpur: Pustaka Haji Abdul Majid
- N. J. Ryan. 1966. *Sejarah Semenanjung Tanah Melayu*, Kuala Lumpur: Oxford University Press.

- Peunoh Daly. 1988. *Hukum perkawinan Islam: suatu studi negara Islam*. Jakarta: Bulan & Bintang.
- R.O. Winstedt, "A history of classical Malay literature," *JMBRAS*, Vol XXXI Part 3, 1959, hlm.119; G. K. Niemann.
- Raden Hussein Dajajadiningrat, *Kesultanan Aceh (suatu pembahasan atas bahan-bahan yang tertera dalam karya Melayu tentang sejarah Kesultanan Aceh)*, alih bahasa Teuku Hamid: *Critish oversicht van de in maleische werken vervatte gegeven over de geschiedenis van het Soeltanaat van Atjeh* (1911).
- Riddel Peter G. (2001), *Islam and The Malay- Indonesian World: Transmission and Responses*. London: Hurst & Company.
- Riddell, Peter G. (1990), "Transferring A Tradition: Abd al-Rauf al-Singkili's rendering into Malay of The Jalalyn Commentary" (Monograf no. 31, Centers for South and Southeast Asia Studies, University of California, USA).
- Shaykh Abdul Rauf bin Ali al-Fansuri al-Jawi. 1951 *Tarjumān al-mustafīd, anwar al-tanzil wa asrar al-ta'wil*. Singapore: Pustaka Nasional.
- Shaykh Abdul Rauf. t.th (No. 09/NKT/YPAH/92). Perpustakaan Ali Hasmjy, Banda Aceh.
- Shaykh Abdul Rauf. t.th <sup>o</sup>*Umdat al-muhtājīn* (MI, 107, Fol 112). Perpustakaan Nasional, Jakarta.
- Shaykh Abdul Rauf. t.th. <sup>o</sup>*Umdat al-muhtājīn* Manuskrip (MS1314, C). Perpustakaan Negara Malaysia, Kuala Lumpur.
- Teuku Iskandar, "Abdurrauf Singkel: tokoh shattariyyah (abad ke-17)," dlm *Dewan Bahasa*, Mei 1965.
- Teuku Iskandar, 1966. *Nuru'ddin ar-Raniri: bustan al-salatin. bab II, fasal 13*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- Peter Riddel. 1987. *Transferring A Tradition: Abd al-Rauf al-Singkili's into Malay of The Jalalyn Commentary*. tesis Ph. D. University of California, Berkeley.
- Tom Pires 1967. *The Suma Oriental of Tom Pires*, terj Armando Cortesao. vol 1 Germany: Nedeln/Liechtenstein.
- Syahrizal. 1995. "Syeikh Abdurrauf Syiah Kuala dan corak pemikiran hukum Islam (kajian terhadap kitab mir'āt at Tullāb tentang hakim wanita)." Tesis Sarjana Pascasarjana IAIN Nuruddin Ar-Raniry Banda Aceh.
- Wahab Md. Salleh (1990), "al-Quran wa al-Tafsir fi Syibh Jazirah Maliziya Mundhu Awa'il Hadha al-Qarn Ila al-An: 'Ard wa Tahli'" (Tesis Doktor Falsafah, Universiti al-Azhar, Mesir).

- Wan Mohd Shaghbir Abdullah. 1997. Syeikh Abdul Rauf bin Ali al-Fansuri: penyusun tafsir Quran pertama bahasa Melayu. *Koleksi Karya Ilmiah Mengenai Fikrah Wawasan Tokoh Dunia Melayu dalam Majalah Dewan Budaya, Dakwah, al-Islam dan Kiblat*. Cet II. Kuala Lumpur: Khazanah Fataniyah.
- Wan Nasyrudin Wan Abdullah, Mohd. Syukri Yeoh Abdullah & Achyar Zein, 2014, Intertekstualiti Dalam Tarjuman al-Mustafid, Penerbit UKM Bangi.
- Wan Nasyrudin Wan Abdullah, Sabri Mohamad, Mohd Akil Mohamed Ali & Muhad bin Bidin, 2010, Seminar Antarabangsa Agama dan Pembangunan V: Agama dan Pemikiran Wacana Tradisi Kontemporari Malaysia-Indonesia. Jabatan Usuluddin & Falsafah, FPI, UKM, Shaykh Abdul Rauf bin Ali al-Fansuri al-Jawi: Tokoh Ulama dan Qiraat Nusantara
- Wan Nasyrudin Wan Abdullah, 2007, Seminar Penyelidikan Dalam Pengajian Islam ke-4 UKM, Tarjuman al-Mustafid dan Dominasi al-Jalalain, 515-527
- Wan Nasyrudin Wan Abdullah, 2008, Tafsir Tarjuman al-Mustafid; Kajian Intertekstualiti (Tesis Doktor Falsafah, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur).
- Wan Nasyrudin Wan Abdullah, Mohd Syukri Yeoh Abdullah & Achyar Zein, 2014, Intertekstualiti Dalam *Tarjuman Al-Mustafid*, Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi.
- Wan Nasyrudin Wan Abdullah, 2015, *Tarjuman Al-Mustafid* Tafsir Syeikh Abdul Rauf Al-Singkili, Murshid Tarekat Shattariyyah Alam Melayu (Wacana ATMA, UKM, 18/11/2015)
- Wan Nasyrudin Wan Abdullah, 2017, *Tarjuman Al-Mustafid: Pengalaman Kendiri*. (Bengkel Pengenalan Penyelidikan Manuskrip Alam Melayu, ATMA, UKM, 21-22 Mac 2017)
- Wan Nasyrudin Wan Abdullah & Muammar Ghadaffi Hanafiah, 2018, *Tahqiq Karya Ulama Nusantara: Pengalaman Kendiri*, Diskusi Ilmiah Siri 1, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia, 29 Mac 2018.
- Zulkifli bin Mohd Yusoff & Wan Nasyrudin bin Wan Abdullah, 2005, Jurnal Pengajian Melayu (Edisi Khas Sempena Sambutan 100 Tahun UM). Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya, Tarjuman al-Mustafid: satu analisa terhadap karya terjemahan, jilid 16 (1): 156-173.